

Protokol Pencerapan *Lesson Study*

A) SEBELUM P&P

- 1) Sekiranya Pakar Rujuk hadir bersama, ketua pasukan *Lesson Study* (LS) perlu memberi taklimat kepada beliau berkaitan dengan tema kajian dan rancangan mengajar.
- 2) Ketua pasukan memaklumkan kepada Pakar Rujuk aspek yang perlu diberikan tumpuan dan data yang akan dikutip semasa P & P berlangsung.

B) SEMASA P & P

- 1) Para pencerap membuat pemerhatian dan mencatat dalam borang pencerapan yang disediakan. **Fokus utama diberi kepada pembelajaran pelajar** dan bukan kepada guru yang mengajar itu.
- 2) Para pencerap boleh bergerak di dalam bilik darjah untuk meneliti pelajar membuat kerja latihan tetapi mereka tidak bercampur tangan dalam proses P & P. Sekiranya terdapat rakaman video dijalankan, para pencerap diingatkan supaya tidak menghalang rakaman video semasa mereka bergerak dalam bilik darjah.

C) SELEPAS P&P

- 1) Pengajar memberi refleksi sendiri berkenaan dengan P & P berdasarkan apa yang telah berlaku dalam kelas.
- 2) Para ahli pasukan berbincang dari aspek keberkesanan P & P (termasuk penglibatan pelajar, tingkah laku pelajar, maklum balas pelajar, kerja latihan pelajar dan lain-lain aspek pembelajaran yang berkaitan) .
- 3) Ketua pasukan memainkan peranan sebagai moderator dalam perbincangan. Beliau memastikan penglibatan secara menyeluruh dalam kalangan semua ahli pasukan semasa perbincangan.
- 4) **Pakar rujuk perlu merendahkan diri** supaya tidak terlalu menonjolkan imej diri semasa memberi input dan pandangan. Suasana seperti ini menggalakkan perbincangan yang terbuka dan mesra.
- 5) Para ahli pasukan *Lesson Study* memberi cadangan penambahbaikan rancangan mengajar secara berpasukan. Rancangan Mengajar berkenaan boleh diterima tanpa pembetulan ataupun diterima dengan pembetulan.
- 6) Sekiranya perlu, pasukan *Lesson Study* boleh mencadangkan supaya rancangan mengajar berkenaan dibuat semula dan diajarkan semula kepada kelas yang lain.
- 7) Rancangan mengajar berkenaan disimpan sebagai rekod untuk dokumentasi.